



## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

---

### INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DI KUALA ABANG, DUNGUN, TERENGGANU KEBAKARAN 32 HEKTAR TANAH GAMBUT: JAS GERAK PEMANTAUAN DARAT DAN UDARA

---

Jabatan Alam Sekitar (JAS) memandang serius insiden kebakaran hutan di kawasan tanah gambut di Kampung Baru, Kuala Abang, Dungun, Terengganu yang dilaporkan berlaku pada 22 April 2026.

Sejurus menerima maklumat pada 23 April 2026, JAS telah menjalankan siasatan di lokasi kejadian dan mendapati kebakaran melibatkan kawasan tanah rizab kerajaan berkeluasan kira-kira 32 hektar. Kebakaran ini telah menghasilkan asap tebal yang berpotensi menjejaskan kualiti udara serta memberi kesan kepada penduduk dan kawasan sensitif berhampiran termasuk beberapa institusi pendidikan.

Selaras dengan **bidang kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**, JAS bertanggungjawab memantau dan mengawal pencemaran udara yang terhasil daripada insiden ini. Bagi tujuan tersebut, JAS telah mengambil tindakan berikut:

- i. Membuka kertas siasatan terhadap pihak yang disyaki bertanggungjawab melakukan pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- ii. Melaksanakan pemantauan kualiti udara secara berterusan termasuk pemasangan alat pemantauan mudah alih (GRIMM) di kawasan berhampiran lokasi kebakaran. Sehingga kini, JAS Terengganu telah memasang satu (1) unit alat pemantauan kualiti udara di Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Kuala Abang, Dungun, Terengganu dan pemasangan satu alat pemantauan tambahan di kawasan terjejas.
- iii. Menyalurkan maklumat bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) kepada pihak berkaitan termasuk Pejabat Daerah dan Pejabat Pendidikan Daerah. Setakat

ini, bacaan IPU di kawasan terjejas pada jam 8.00 pagi, 27 April 2026 yang dicatatkan adalah 88 iaitu berada di tahap sederhana.

- iv. Menjalankan pemantauan kebakaran melalui udara menggunakan dron bagi menilai tahap kawasan yang terjejas;
- v. Bekerjasama rapat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta agensi lain dalam usaha mengawal dan memadam kebakaran.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) ingin menegaskan bahawa sekiranya hasil siasatan mendapati terdapat kesalahan yang melanggar undang-undang, tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali.

Dalam masa yang sama, orang awam dinasihatkan untuk mengelakkan sebarang aktiviti pembakaran terbuka, terutama dalam keadaan cuaca panas dan kering yang boleh mempercepatkan merebaknya kebakaran. JAS akan terus memantau situasi ini secara rapi dan memastikan langkah-langkah kawalan pencemaran dilaksanakan bagi melindungi kesihatan awam dan alam sekitar.

**JABATAN ALAM SEKITAR**  
**27 APRIL 2026**



---

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763